

29/05/1997

Megat Junid jadi menteri penuh (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika mengumumkan pelantikan itu berkata Megat Junid akan mengisi jawatan ditinggalkan Datuk Abu Hassan Omar, yang dinamakan sebagai bakal Menteri Besar Selangor.

Jawatan Megat Junid pula diisi oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali yang sebelum ini pernah menjadi Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar serta Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Menurut Anwar, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid pula dilantik menggantikan tempat Mohd Tajol Rosli. Bagaimanapun, jawatan Setiausaha Parlimen itu akan dikosongkan buat sementara waktu.

Beliau berkata, pelantikan itu dibuat dengan persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ketiga-tiga pelantikan itu berkuatkuasa selepas mereka mengangkat sumpah di Istana Negara, Sabtu ini.

"Ini bukan satu rombakan Kabinet, tetapi hanya satu pengisian kecil," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Dr Mahathir kini sedang bercuti selama dua bulan di luar negara.

Ditanya mengenai kemungkinan rombakan Kabinet yang lebih besar akan diadakan selepas ini, Anwar berkata soal pelantikan dan pertukaran jawatan itu adalah atas budi bicara Perdana Menteri.

"Sudah tentu dari semasa ke semasa perubahan akan dibuat berdasarkan peletakan jawatan dan keperluan untuk mengganti. Tidak fikir perkara ini harus dirungsingkan oleh pihak lain," katanya.

Megat Junid, 54, mula dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama pada Julai 1984 sebelum berpindah ke Kementerian Dalam Negeri pada Ogos 1986. Ini menjadikannya sebagai antara timbalan menteri yang paling lama berkhidmat.

Megat Junid yang memegang jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri selama kira-kira 11 tahun adalah timbalan menteri yang paling menonjol dalam media kerana tegas menangani masalah dadah dan pendatang asing.

Seorang lulusan Universiti Malaya, Megat Junid dilahirkan di Teluk Intan, Perak pada 8 Disember 1942 dalam satu keluarga penoreh getah.

Beliau yang memulakan kerjayanya sebagai guru, menceburi politik ketika di kampus lagi dan aktif dalam persatuan pelajar-pelajar Melayu sebelum menyertai Umno pada 1972.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau perlu melihat laporan penuh Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) mengenai dakwaannya bahawa kerajaan Myanmar menindas umat Islam di negara itu.

Abim meminta kerajaan Malaysia menanggungkan kemasukan Myanmar ke dalam Asean sehingga Majlis Pemulihan Undang-Undang dan Ketenteraman Negara Kesatuan Myanmar (SLORC) berhenti menindas umat Islam di negara itu.

Mengenai permintaan parti tertentu di Kemboja supaya Dr Mahathir membantu persaingan politik di sana, beliau berkata Malaysia memang membantu, malah, Menteri Luar ditugaskan ke Phnom Penh dan bercakap dengan pemimpin beberapa parti politik bagi mencari jalan penyelesaian dalam perselisihan mereka.

Anwar turut mengucapkan tahniah kepada Mohammad Khatami yang menjadi

Presiden Iran yang baru.

"Kita akan mengutus surat rasmi. Walaupun hubungan Malaysia-Iran sudah baik, kita menjangka hubungan dan kerjasama akan lebih baik lagi," katanya.

(END)